



Headline	UniKL tak gentar jumpa KLHC		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	20 Mar 2013	Color	Black/white
Section	Sukan	Circulation	192,982
Page No	48	Readership	1,521,000
Language	Malay	ArticleSize	89 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 1,561
Frequency	Daily	PR Value	RM 4,683



UniKL tak gentar jumpa KLHC

Kuala Lumpur: Universiti Kuala Lumpur (UniKL) sama sekali tidak akan gentar bertemu skuad juara berganda Liga Hoki Malaysia (MHL) 2012, Kelab Hoki Kuala Lumpur (KLHC) pada aksi pembuka tirai musim 2013, Jumaat ini meskipun dua pertemuan tahun lalu dikecewakan dengan jaringan besar iaitu 8-1 dan 3-1.

Bagi pasukan itu, tiada apa yang perlu dirisaukan tambahan pula KLHC kini dibarisi kira-kira enam pemain import selepas kebanyakan pemain mereka berpindah ke pasukan baru iaitu Terengganu.

“Senario KLHC kali ini berbeza, namun kami tidak akan memandang rendah ke atas mereka,” kata pengurus pasukan, Mohd Faiz Isa. “KLHC kehilangan ramai pemain yang sudah lama bersama mereka dan digantikan dengan pemain import jadi kemungkinan kesinambungan antara pemain masih kurang pada awal perlawanan.

Sudah ada persefahaman

“UniKL pula dibarisi pemain lama dan mereka sudah memahami antara satu sama lain. Selain itu, kami dibarisi 13 pemain Skuad 2013 yang boleh dijadikan medan buat pemain muda beraksi,” katanya.

UniKL yang menduduki tempat kelima musim lalu dengan 8 mata, beraksi dalam Divisyen Premier kali ini bersama KLHC, TNB, Maybank, SAPURA, Nur Insafi Warriors dan muka baru, Terengganu.

- Oleh Sukhairi Thani